



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

VERSI ATAS TALIAN TEKS  
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

---

**Akta 239**

## **AKTA PENCEN PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN 1980**

*Sebagaimana pada 1 April 2012*

**AKTA PENCEN PIHAK BERKUASA  
BERKANUN DAN TEMPATAN 1980**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	...	31 Julai 1980
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	...	7 Ogos 1980
Kali terakhir dipinda melalui Akta A1410 yang mula berkuat kuasa pada	...	...	...	1 Januari 2012

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	...	...	...	2006
------------------------------------	-----	-----	-----	------

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 239

## AKTA PENCEN PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN 1980

---

### SUSUNAN SEKSYEN

---

#### Seksyen

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Pencen, dsb., bukan suatu hak yang mutlak
4. Pencen, dsb., hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan
5. Penghitungan pencen, dsb.
6. Pemberian taraf berpencen
- 6A. Pelaksanaan opsyen
- 6B. Pekerja berpencen boleh memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- 6C. Caruman kebelakangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- 6D. Majikan boleh menawarkan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- 6E. Pekerja berpencen boleh memilih Skim Pencen Dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- 6F. Majikan boleh menawarkan skim di bawah seksyen 6E
- 6G. Keberterusan pemakaian Akta ini dan pemakaian Akta 452
7. Pekerja disifatkan menjadi pekerja berpencen
8. Caruman
9. Pemberian pencen, dsb.
10. Persaraan paksa

## Seksyen

11. Persaraan dengan kehendak Menteri
12. Persaraan pilihan
13. Persaraan setelah dilantik untuk berkhidmat dalam pertubuhan
14. Persaraan demi kepentingan awam
15. Pencen atau ganjaran terbitan jika seseorang pekerja mati dalam perkhidmatan
16. Pencen terbitan jika seseorang pekerja mati selepas bersara
- 16A. Hal keadaan dalam mana orang hendaklah hilang kelayakan dari dibayar pencen atau elaun persaraan terbitan jika bukan bermastautin atau tidak lagi bermastautin di Malaysia
17. Terhentinya pencen terbitan
18. Terhentinya pencen bagi anak yang telah mencapai umur lapan belas tahun disifatkan sah
19. Pencen hilang upaya
20. Pencen tanggungan
21. Pencen, dsb., tidak boleh diserahkan hak
22. Pencen, dsb., terhenti apabila bankrap
23. Pencen, dsb., terhenti apabila disabitkan
- 23A. Pencen, dsb., akan terhenti apabila memperoleh kewarganegaraan negara lain
24. Pencen maksimum
25. Pencen serendah-rendahnya bagi perkhidmatan penuh
26. Peggantungan pencen
27. Pembayaran tanpa probet atau surat kuasa mentadbir
28. Peraturan-peraturan
29. Tindakan yang lalu
30. Pembayaran hadiah untuk maklumat
31. Penggulangan skim pencen

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 239

#### AKTA PENCEN PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN 1980

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pentadbiran pencen, ganjaran dan faedah lain bagi pekerja dalam pihak berkuasa berkanun dan tempatan dan orang tanggungan mereka menurut penyemakan gaji dan had serta syarat perkhidmatan bagi pekerja itu yang dibuat oleh Kerajaan mulai dari 1 Januari 1976.

*[1 Januari 1976]*

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1976.

(2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia bagi pekerja dalam pihak berkuasa berkanun dan tempatan—

(a) yang telah memilih atau yang disifatkan telah memilih Skim Baru;

(b) yang telah dilantik di bawah Skim Baru; atau

(c) yang oleh sebab pilihan mereka itu terikat oleh Skim Baru.

### **Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“gaji” ertinya gaji bulanan termasuklah apa-apa elaun berpencen yang kena dibayar mengikut tangga gaji dalam Skim Baru;

“gaji yang akhir diterima” ertinya gaji hakiki bulanan sebenarnya yang akhir diterima yang dibayar kepada seseorang pekerja sebelum dia bersara atau mati atau dalam hal persaraan di bawah subseksyen 13(2) gaji hakiki bulanan sebenarnya yang akhir diterima yang dibayar kepadanya oleh pertubuhan itu semasa dia menikmati terma dan syarat yang sama seperti di dalam Skim Baru; dengan syarat bahawa bagi seseorang pekerja yang menerima apa-apa elaun berpencen, elaun berpencen itu hendaklah menjadi sebahagian daripada gaji yang akhir diterimanya;

“Kumpulan Wang Simpanan Pekerja” ertinya kumpulan wang simpanan yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], termasuk sesuatu kumpulan wang diluluskan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta itu;

“majikan” ertinya pihak berkuasa berkanun atau tempatan;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi pencen;

“pekerja” ertinya seseorang yang bekerja sepenuh masa dalam pihak berkuasa berkanun atau tempatan;

“pekerja berpencen” ertinya seseorang pekerja yang telah diberikan taraf berpencen di bawah seksyen 6 atau yang disifatkan sebagai telah diberikan taraf berpencen di bawah subseksyen 6A(6C) atau seksyen 7;

“peraturan-peraturan” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 28;

“perkhidmatan” ertinya perkhidmatan di bawah Kerajaan, mana-mana Kerajaan Negeri, atau dalam mana-mana pihak berkuasa berkanun atau tempatan;

“perkhidmatan yang boleh dimasuk kira” ertinya perkhidmatan yang ditetapkan sebagai perkhidmatan yang boleh dimasuk kira di bawah peraturan-peraturan itu;

“pihak berkuasa berkanun atau tempatan” ertinya pihak berkuasa berkanun atau tempatan dalam had bidang Skim Baru;

“pihak berkuasa pencen” ertinya Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis untuk bertindak bagi pihaknya;

“pihak berkuasa yang berkenaan” ertinya lembaga atau badan pengurus sesuatu pihak berkuasa berkanun atau tempatan;

“Skim Baru” ertinya gaji dan had serta syarat perkhidmatan yang telah dipinda bagi pekerja dalam pihak berkuasa berkanun dan tempatan berbangkit dari penyemakan gaji dan had serta syarat perkhidmatan bagi pekerja itu yang dibuat oleh Kerajaan mulai dari 1 Januari 1976, atau dari apa-apa penyemakan lain kemudiannya yang dibuat atau diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa;

“Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja” ertinya suatu skim yang di bawahnya seseorang pekerja terhenti menjadi layak diberikan taraf pekerja berpencen atau terhenti menjadi pekerja berpencen dan sebagai ganti dikehendaki mencarum, bersama-sama dengan majikannya, kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;

“Skim Pencen Dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja” ertinya suatu skim yang di bawahnya seseorang pekerja terus menjadi pekerja berpencen dan dikehendaki mencarum, apabila opsyennya mula berkuat kuasa dan menurut kuasa opsyennya, kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

**Pencen, dsb., bukan suatu hak yang mutlak**

3. (1) Tiada seorang pun pekerja boleh mempunyai hak mutlak untuk mendapat pampasan bagi perkhidmatan yang lepas atau untuk mendapat apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain di bawah Akta ini.

(2) Jika pihak berkuasa yang berkenaan telah membuktikan hingga memuaskan hati Menteri bahawa seseorang pekerja telah bersalah atas kecuaiian, salah aturan atau salah laku, maka Menteri boleh mengurangkan atau menahan pencen, ganjaran atau faedah lain yang pekerja itu sepatutnya layak mendapat jika tidak kerana seksyen ini.

**Pencen, dsb., hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan**

4. (1) Pencen, ganjaran dan faedah lain yang diberikan di bawah Akta ini hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan mulai dari 1 Januari 1981.

(2) Pembayaran apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah Akta ini sehingga 31 Disember 1980 hendaklah dibuat dari Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1977 [*Akta 185*].

**Penghitungan pencen, dsb.**

5. (1) Apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah Akta ini hendaklah dihitung mengikut peraturan-peraturan itu; dengan syarat bahawa dalam hal persaraan di bawah perenggan 10(5)(a) atau di bawah seksyen 13, amaun pencen yang diberikan itu tidak boleh kurang daripada satu per lima daripada gaji yang akhir diterima oleh pekerja itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), gaji yang akhir diterima oleh seseorang pekerja yang bersara sebelum disahkan dalam jawatannya



yang kedua atau yang berikutnya ialah gaji yang akhir diterima bagi jawatannya yang disebut terdahulu dalam mana dia telah disahkan jika sekiranya dia terus memegang jawatannya yang disebut terdahulu itu sehingga persaraannya.

(3) Apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan kepada seseorang pekerja yang bersara di bawah seksyen 11 hendaklah dihitung mengikut peraturan-peraturan yang jumlah tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira baginya hendaklah dikira seolah-olah pekerja itu telah berkhidmat sehingga mencapai umur persaraan paksanya, yang mana jua terpakai baginya.

### **Pemberian taraf berpencen**

6. Pihak berkuasa pencen boleh memberi taraf pekerja berpencen kepada seseorang pekerja tetap jika dia telah—

(a) disahkan dalam jawatannya yang sekarang; dan

(b) genap tempoh selama tidak kurang daripada tiga tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira.

### **Pelaksanaan opsyen**

6A. (1) Seseorang pekerja yang dilantik pada atau selepas mula berkuat kuasanya seksyen ini hendaklah, sebelum disahkan dalam jawatannya, berhak untuk memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

(2) Opsyen di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa melantik yang berkenaan mengikut sesuatu cara yang ditetapkan oleh pihak berkuasa pencen.

(3) Pelaksanaan opsyen oleh seseorang pekerja di bawah seksyen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada masa dia disahkan dalam jawatannya dan hendaklah pada ketika itu menjadi muktamad.

(4) Apabila seseorang pekerja memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, peruntukan Akta ini, kecuali seksyen ini dan seksyen 26, tidak terpakai bagi pekerja sedemikian.

(5) Seseorang pekerja yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja hendaklah bersara daripada perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan apabila mencapai umur enam puluh tahun.

(5A) Subseksyen (5) tidak terpakai bagi seseorang pekerja yang telah dilantik sebelum 1 Januari 2012 dan telah diberikan opsyen sebelum tarikh itu dan tidak memilih umur persaraan paksa enam puluh tahun.

(5B) Umur persaraan paksa bagi seseorang pekerja yang tidak memilih umur persaraan paksa enam puluh tahun yang disebut dalam subseksyen (5A) hendaklah kekal sama ada lima puluh lima tahun atau lima puluh enam tahun atau lima puluh lapan tahun sebagaimana umur yang telah dipilihnya sebelum 1 Januari 2012.

(5C) Opsyen bagi umur persaraan paksa enam puluh tahun yang dilaksanakan oleh seseorang pekerja bagi maksud subseksyen (5) dan (5A) tidak boleh dibatalkan.

(6) Pihak berkuasa yang berkenaan boleh, dengan persetujuan pihak berkuasa pencen, menghendaki seseorang pekerja yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja supaya bersara daripada perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan dalam mana-mana hal keadaan yang disebut dalam perenggan 10(5)(a), (b), (c), (d), (e) dan (f) atau seksyen 11.

(6A) Walau apa pun subseksyen (3), seseorang pekerja yang telah memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebelum 1 Januari 2009 dan telah disahkan dalam jawatannya sebelum tarikh itu hendaklah diberikan opsyen untuk memilih pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah Akta ini.

(6B) Opsyen yang dibuat di bawah subseksyen (6A) menjadi muktamad pada 1 Februari 2009 dan peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi pekerja itu mulai tarikh itu.

(6c) Jika seseorang pekerja telah memilih pencen, ganjaran atau faedah lain menurut subseksyen (6A) dan mati sebelum opsiyen itu menjadi muktamad menurut subseksyen (6B), pekerja itu disifatkan menjadi pekerja berpencen dan peruntukan Akta ini hendaklah terpakai baginya mulai tarikh kematiannya.

### **Pekerja berpencen boleh memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja**

**6B.** (1) Seseorang pekerja—

(a) yang telah diberikan taraf pekerja berpencen di bawah seksyen 6 atau disifatkan menjadi pekerja berpencen di bawah perenggan 7(a), (b) atau (c); atau

(b) yang telah dilantik sebelum 12 April 1991 dan belum diberi taraf pekerja berpencen,

boleh memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

(2) Opsiyen di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa melantik yang berkenaan mengikut suatu cara yang diluluskan oleh pihak berkuasa pencen.

(3) Pelaksanaan opsiyen oleh seseorang pekerja di bawah seksyen ini hendaklah mula berkuat kuasa apabila opsiyen itu disetujui terima oleh pihak berkuasa melantik yang berkenaan dan hendaklah pada ketika itu menjadi muktamad.

(4) Seseorang pekerja berpencen hendaklah terhenti menjadi pekerja berpencen apabila opsiennya mula berkuat kuasa.

(5) Tertakluk kepada subseksyen (6), peruntukan Akta ini, khususnya subseksyen 8(1), hendaklah terhenti terpakai bagi seseorang pekerja berpencen apabila opsiennya mula berkuat kuasa.

(6) Subseksyen 6A(5) dan (6) dan seksyen 6C dan 6D hendaklah terpakai bagi seseorang pekerja yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah seksyen ini.

**Caruman kebelakangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja**

6c. Seseorang majikan hendaklah membuat caruman, berkenaan dengan setiap pekerja berpencen yang opsyennya telah mula berkuat kuasa, kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar tujuh belas setengah peratus daripada gaji bulanan pekerja itu bagi setiap bulan dalam tempoh yang bermula pada tarikh pekerja itu menjadi pekerja berpencen di bawah seksyen 6 atau seksyen 7 dan berakhir pada tarikh dia terhenti menjadi pekerja berpencen di bawah seksyen 6b.

**Majikan boleh menawarkan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja**

6d. Bagi maksud Akta ini, adalah sah bagi seseorang majikan menawarkan kepada pekerjaanya opsyen untuk memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah seksyen 6b.

**Pekerja berpencen boleh memilih Skim Pencen Dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja**

6e. (1) Seseorang pekerja yang telah diberikan taraf pekerja berpencen di bawah seksyen 6 atau disifatkan menjadi pekerja berpencen di bawah perenggan 7(a), (b) atau (c), boleh memilih Skim Pencen Dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

(2) Opsyen di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa melantik yang berkenaan mengikut suatu cara yang diluluskan oleh pihak berkuasa pencen.

(3) Pelaksanaan opsyen oleh seseorang pekerja di bawah seksyen ini hendaklah mula berkuat kuasa apabila opsyen itu disetujui terima oleh pihak berkuasa melantik yang berkenaan dan hendaklah pada ketika itu menjadi muktamad.

(4) Seseorang pekerja berpencen hendaklah terus menjadi pekerja berpencen apabila opsyennya mula berkuat kuasa, tetapi

perkhidmatannya selepas opsyennya mula berkuat kuasa tidak boleh diambil kira bagi maksud menghitung perkhidmatannya yang boleh dimasukkan kira.

**Majikan boleh menawarkan skim di bawah seksyen 6E**

**6F.** Bagi maksud Akta ini, adalah sah bagi seseorang majikan menawarkan kepada pekerjaanya opsyen yang disebut dalam seksyen 6E.

**Keberterusan pemakaian Akta ini dan pemakaian Akta 452**

**6G.** (1) Tertakluk kepada subseksyen 6E(4), peruntukan Akta ini, kecuali subseksyen 6A(4), seksyen 6B, 6C, 6D dan subseksyen 8(1), hendaklah terus terpakai, dan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 hendaklah terpakai, bagi pekerja berpencen yang memilih Skim Pencen Dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah subseksyen 6E(1).

(2) Bagi maksud Akta ini, jika seseorang pekerja berpencen memilih Skim Pencen Dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah subseksyen 6E(1), dia boleh, apabila dia bersara di bawah seksyen 10, 11, 12 atau 13 daripada perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan, diberikan pencen, ganjaran atau faedah lain berasaskan perkhidmatannya yang boleh dimasukkan kira dalam pihak berkuasa berkanun atau tempatan itu, yang dihitung mengikut peraturan-peraturan.

(3) Jika seseorang pekerja berpencen yang memilih Skim Pencen Dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah subseksyen 6E(1) —

(a) meninggal dunia dalam perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan, pekerja itu hendaklah, bagi maksud seksyen 15, disifatkan telah meninggal dunia dalam perkhidmatan; atau

- (b) berkahwin semasa dalam perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan, perkahwinannya hendaklah, bagi maksud seksyen 16, disifatkan sebagai perkahwinan yang telah berlaku ketika pekerja itu masih dalam perkhidmatan.

### **Pekerja disifatkan menjadi pekerja berpencen**

7. Tanpa menyentuh seksyen 6, pekerja yang berikut hendaklah disifatkan menjadi pekerja berpencen:

- (a) seseorang pekerja yang telah dimasukkan atau layak untuk dimasukkan dalam perjawatan berpencen di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1977 sebelum daripada 1 Julai 1977 bagi seseorang pekerja di Semenanjung Malaysia atau 1 Julai 1978 bagi seseorang pekerja di Sabah atau Sarawak;
- (b) seseorang pekerja yang telah diberikan taraf seorang pekerja berpencen oleh pihak berkuasa yang berkenaan sebelum penyiaran Akta ini;
- (c) seseorang pegawai berpencen di bawah Akta Pencen 1980 [Akta 227] atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain dan yang ditukar tetap secara lantikan ke pihak berkuasa berkanun atau tempatan; dan
- (d) seseorang pekerja tetap dan telah disahkan yang mati dalam perkhidmatan, yang bersara atas sebab perubahan atau di bawah seksyen 13 sebelum genap sepuluh tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira:

Dengan syarat bahawa jika seseorang pekerja didapati telah diberikan taraf sebagai seorang pekerja berpencen dengan salahnya oleh pihak berkuasa yang berkenaan, pihak berkuasa pencen boleh mengarahkan pihak berkuasa yang berkenaan itu supaya membatalkan pemberian taraf itu dan selepas itu pihak berkuasa pencen hendaklah

bertanggungjawab atas pemberian taraf berpencen kepada pekerja itu di bawah seksyen 6.

### **Caruman**

8. (1) Seseorang majikan hendaklah membuat caruman bulanan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 [*Akta 454*] mengikut kadar sebanyak tujuh belas setengah peratus dari gaji bulanan pekerja bagi tiap-tiap orang pekerja berpencen dan kadar itu hendaklah mula berkuat kuasa dari 1 Januari 1981.

(1A) Pertubuhan yang seseorang pekerja berpencen dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan di bawah subseksyen 13(2) hendaklah membuat caruman bulanan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 mengikut kadar sebanyak tujuh belas setengah peratus daripada gaji bulanan pekerja itu berkenaan dengan setiap orang pekerja berpencen semasa dia menikmati terma dan syarat perkhidmatan yang sama seperti di dalam Skim Baru.

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), semua caruman bulanan oleh seseorang majikan sehingga 31 Disember 1980 hendaklah dibayar masuk ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1977 dan setelah tergelungnya Kumpulan Wang itu, semua caruman dan pendapatannya, ditolak apa-apa pembayaran yang dibuat mengenai pencen, ganjaran atau faedah yang diberikan di bawah Akta ini, hendaklah dipindahkan ke Kumpulan Wang Disatukan.

(3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), semua caruman yang dibuat oleh seseorang majikan bagi tiap-tiap orang pekerja berpencen mengikut kadar yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Akta Kumpulan Wang Persaraan Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1977 sehingga 31 Disember 1980 hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat dengan sempurnanya.

(4) Jika amaun caruman bulanan yang seseorang majikan kena bayarkan bagi semua pekerja berpencen tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu, majikan itu hendaklah membayar bunga atas amaun itu mengikut kadar setengah peratus bagi tiap-tiap satu bulan atau sebahagian daripada sebulan selepas tamatnya tempoh selama mana amaun itu masih tidak dibayar kecuali bahawa bunga hendaklah dipungut hanya bagi tunggakan yang berlaku selepas 1 Januari 1981.

(5) Menteri boleh, dengan persetujuan Menteri Kewangan, melalui perintah meminda kadar di bawah subseksyen (1) dan (4).

(6) Menteri Kewangan boleh mengecualikan bunga yang kena dibayar di bawah subseksyen (4) oleh majikan tersebut jika dia berpuas hati bahawa kelewatan itu bukan disebabkan oleh suatu perbuatan sengaja atau adalah disebabkan oleh suatu perbuatan yang di luar pengawalan majikan tersebut.

#### **Pemberian pencen, dsb.**

9. (1) Seseorang pekerja berpencen boleh diberikan pencen, ganjaran atau faedah lain apabila—

(a) dipaksa bersara di bawah seksyen 10;

(b) bersara di bawah seksyen 11; atau

(c) memilih bersara di bawah seksyen 12 setelah genap tempoh selama tidak kurang daripada sepuluh tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira.

(2) Seseorang pekerja berpencen boleh diberikan pencen, ganjaran atau faedah lain jika dia bersara di bawah seksyen 13.



### **Persaraan paksa**

**10.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (3) dan (4), seseorang pekerja hendaklah bersara dari perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan apabila mencapai umur enam puluh tahun.

(2) *(Dipotong oleh Akta A1125).*

(3) Jika seseorang pekerja mencapai umur persaraan paksa lima puluh lima, lima puluh enam, lima puluh lapan atau enam puluh tahun mengikut mana-mana yang berkenaan, dan suatu prosiding jenayah atau tata tertib yang mungkin berkeputusan dengan pekerja itu disabitkan atau dibuang kerja belum lagi selesai, perkhidmatannya hendaklah disifatkan sebagai telah dilanjutkan melampaui mana-mana umur itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tetapi dikira cuti tanpa gaji sehingga kesnya diputuskan.

(4) Jika prosiding jenayah atau tata tertib di bawah subseksyen (3) itu tidak berkeputusan dengan dia disabitkan atau dibuang kerja, dia hendaklah bersara apabila mencapai umur lima puluh lima, lima puluh enam, lima puluh lapan atau enam puluh tahun, mengikut mana-mana yang berkenaan dengan umur persaraan paksanya, dan tempoh perkhidmatan selepas mana-mana umur ini, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak dikira sebagai perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira.

(5) Pihak berkuasa yang berkenaan boleh, dengan persetujuan pihak berkuasa pencen, menghendaki mana-mana pekerja supaya bersara dari perkhidmatan dalam pihak berkuasa berkanun atau tempatan—

- (a) jika pihak berkuasa pencen berpuas hati atas keterangan doktor bahawa pekerja itu tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya, disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh badan yang mungkin menjadi kekal;
- (b) apabila jawatan yang dipegangnya dihapuskan;
- (c) bagi maksud supaya organisasi pihak berkuasa berkanun atau tempatan yang pekerja itu bekerja mudah diperbaiki

dan dengan itu menghasilkan lebih lagi kecekapan atau ekonomi;

- (d) atas alasan bahawa pekerjaan pekerja itu telah ditamatkan demi kepentingan awam;
- (e) atas alasan bahawa pekerja itu dengan sukarelanya (selain perkahwinan) telah memperoleh kewarganegaraan atau telah menggunakan hak kewarganegaraan, atau telah membuat pengisytiharan kesetiaan kepada, mana-mana negara lain selain Malaysia atau atas alasan bahawa pekerja itu telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysiannya; atau
- (f) atas alasan bahawa pekerja itu telah, bagi maksud pelantikannya ke perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan—
  - (i) membuat apa-apa pernyataan atau memberi apa-apa maklumat, sama ada secara lisan atau secara bertulis, sama ada bersumpah atau selainnya; atau
  - (ii) membekalkan apa-apa dokumen,

yang palsu, silap, tidak tepat, tidak lengkap, atau mengelirukan atau mungkin mengelirukan, dan pelantikannya ke perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan telah dibuat sebahagiannya atau keseluruhannya dengan bersandarkan atas pernyataan, maklumat atau dokumen itu:

Dengan syarat bahawa persaraan itu di bawah perenggan ini tidak boleh dilaksanakan melainkan pekerja itu telah diberikan peluang yang munasabah untuk membuat representasi ke atasnya kepada pihak berkuasa yang berkenaan tersebut.

- (6) Perenggan (5)(f) hendaklah terpakai hanya bagi pekerja yang dilantik ke perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan selepas mula berkuat kuasanya subseksyen ini.

(7) Umur persaraan paksa enam puluh tahun yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi seseorang pekerja yang dilantik pada atau selepas 1 Januari 2012.

(8) Umur persaraan paksa enam puluh tahun yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) tidak terpakai bagi seseorang pekerja yang dilantik sebelum 1 Januari 2012 dan telah diberikan opsyen sebelum tarikh itu dan tidak memilih umur persaraan paksa enam puluh tahun.

(9) Opsyen bagi umur persaraan paksa enam puluh tahun yang dilaksanakan oleh seseorang pekerja yang disebut dalam subseksyen (8) tidak boleh dibatalkan.

### **Persaraan dengan kehendak Menteri**

**11.** Walau apa pun peruntukan seksyen 10 dan 12, dengan persetujuan pekerja itu, Menteri boleh menghendaki seseorang pekerja supaya bersara pada mana-mana peringkat umur—

(a) atas alasan kepentingan negara; atau

(b) demi kepentingan perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan.

### **Persaraan pilihan**

**12.** (1) Pihak berkuasa yang berkenaan boleh, dengan kelulusan pihak berkuasa pencen atas permohonan pekerja itu, memberi persetujuan tentang persaraan seseorang pekerja apabila atau selepas mencapai umur empat puluh tahun.

(2) Jika seseorang pekerja yang dilantik sebelum mula berkuat kuasanya seksyen ini bersara di bawah subseksyen (1), pekerja sedemikian boleh diberikan pencen hanya apabila mencapai umur—

(a) empat puluh lima tahun bagi—

(i) seseorang pekerja perempuan; dan

(ii) seseorang pekerja perkhidmatan bomba yang berpangkat pegawai rendah dan ke bawah; atau

(b) lima puluh tahun bagi seseorang pekerja lelaki, selain pekerja yang disebut dalam subperenggan (a)(ii).

(3) Jika seseorang pekerja yang dilantik selepas mula berkuat kuasanya seksyen in bersara di bawah subseksyen (1), pekerja sedemikian boleh diberikan pencen hanya apabila mencapai umur lima puluh lima tahun.

(3A) Seseorang pekerja yang bersara di bawah subseksyen (1) boleh diberi ketika persaraannya ganjaran atau faedah lain.

(3B) *(Dipotong oleh Akta A1410).*

(4) Tertakluk kepada seksyen 17, jika seseorang pekerja yang telah bersara di bawah subseksyen (1) mati sebelum mencapai umur empat puluh lima tahun atau lima puluh tahun atau lima puluh lima tahun mengikut mana-mana yang berkenaan, Menteri boleh dengan serta-merta memberikan kepada orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu pencen terbitan tidak kurang daripada satu perlima daripada gaji yang akhir diterima oleh pekerja yang mati itu dan ganjaran terbitan atau ganjaran terbitan sahaja.

(5) *(Dipotong oleh Akta A1344).*

### **Persaraan setelah dilantik untuk berkhidmat dalam pertubuhan**

**13.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), (3) dan (4), jika seseorang pekerja berpencen yang berumur kurang daripada empat puluh lima tahun bagi pekerja perempuan atau berumur lima puluh tahun bagi pekerja lelaki dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan, walau bagaimana jua caranya ditubuhkan dan sama ada atau tidak Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan di dalamnya, sama ada secara langsung atau sebaliknya, atau dalam mana-mana pertubuhan antarabangsa yang mana Kerajaan menjadi anggota, dia boleh

disifatkan telah bersara dari perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan pada tarikh dia meninggalkan pihak berkuasa itu, dan pekerja itu, jika sekiranya dia mati sebelum mencapai umur lima puluh tahun atau empat puluh lima tahun, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, bagi maksud seksyen 15, disifatkan telah mati dalam perkhidmatan jika pada masa kematiannya dia berada dalam perkhidmatan pertubuhan itu atau mana-mana subsidiarinya atau pertubuhan antarabangsa tersebut, atau, jika ketika itu dia tidak berada dalam perkhidmatan tersebut, dia telah berada dalam perkhidmatan tersebut untuk suatu tempoh berterusan yang tidak kurang dari lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan itu.

(2) Jika seseorang pekerja berpencen yang berumur kurang daripada empat puluh lima tahun bagi pekerja perempuan dan lima puluh tahun bagi pekerja lelaki dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan pada atau selepas 17 Mac 1986 mengikut terma dan syarat perkhidmatan yang sama seperti di dalam Skim Baru dia boleh diberikan pencen, ganjaran atau faedah lain apabila mencapai umur enam puluh tahun jika dia telah berkhidmat dalam pertubuhan itu atau mana-mana subsidiarinya untuk suatu tempoh berterusan yang tidak kurang dari lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan itu, dalam hal sedemikian, apa-apa tempoh perkhidmatan tersebut mengikut terma dan syarat perkhidmatan yang sama seperti di dalam Skim Baru dengan pertubuhan itu atau mana-mana subsidiarinya boleh dimasukkan kira bagi maksud memberi pencen, ganjaran atau faedah lain itu kepada pekerja itu.

(2A) Jika seseorang pekerja yang disebut dalam subseksyen (2) yang telah dilantik sebelum 1 Januari 2012 telah diberikan opsiyen sebelum tarikh itu dan tidak memilih umur persaraan paksa enam puluh tahun, subseksyen (2) hendaklah terpakai baginya dengan menggantikan perkataan 'enam puluh' dengan perkataan 'lima puluh lima' atau 'lima puluh enam' atau 'lima puluh lapan', mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Bagi seseorang pekerja berpencen yang subseksyen (2) tidak terpakai baginya, dia boleh diberikan pencen, ganjaran atau faedah

lain apabila mencapai umur empat puluh lima tahun bagi pekerja perempuan atau lima puluh tahun bagi pekerja lelaki jika dia telah berkhidmat dalam pertubuhan atau mana-mana subsidiarinya atau pertubuhan antarabangsa yang dia dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan selama tempoh berterusan tidak kurang dari lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan atau sehingga dia berumur empat puluh lima tahun atau lima puluh tahun, mengikut mana yang berkenaan, mengikut mana yang terdahulu.

(4) Walau apa pun peruntukan subseksyen (2) dan (3), jika perkhidmatan pekerja itu ditamatkan oleh pertubuhan atau mana-mana subsidiarinya atau pertubuhan antarabangsa yang dia dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan atas sebab pengurangan pekerja atau sakit, atau jika kontrak tidak diperbaharui berkenaan dengan pelantikannya dalam pertubuhan antarabangsa itu, dia boleh diberikan pencen, ganjaran atau faedah lain.

### **Persaraan demi kepentingan awam**

**14.** Menteri boleh, jika difikirkannya patut, memberikan pencen, ganjaran atau faedah lain kepada seseorang pekerja yang bersara di bawah perenggan 10(5)(d) atau (f), tetapi amaunnya tidak boleh melebihi amaun yang pekerja itu sepatutnya layak mendapat jika sekiranya pencen, ganjaran atau faedah lainnya itu dihitung berdasarkan lama yang sebenar perkhidmatannya yang boleh dimasukkan.

### **Pencen atau ganjaran terbitan jika seseorang pekerja mati dalam perkhidmatan**

**15.** (1) Tertakluk kepada seksyen 17, jika seseorang pekerja berpencen mati dalam perkhidmatan, Menteri boleh memberikan kepada orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu pencen terbitan tidak kurang daripada satu per lima daripada gaji yang akhir diterima oleh pekerja yang mati itu dan ganjaran terbitan atau hanya ganjaran terbitan sahaja.

(2) *(Dipotong oleh Akta A1344).*

**Pencen terbitan jika seseorang pekerja mati selepas bersara**

16. (1) Tertakluk kepada seksyen 17—

*(a) (Dipotong oleh Akta A1344).*

*(b)* jika seseorang pekerja berpencen mati dalam atau selepas tempoh dua puluh tahun dari tarikh persaraannya Menteri boleh memberikan kepada orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu pencen terbitan yang sama banyaknya dengan amaun pencen yang dibayar kepadanya:

Dengan syarat bahawa apa-apa pemberian pencen terbitan selepas tamatnya tempoh dua puluh tahun dari tarikh persaraannya hendaklah dibuat hanya jika penerimanya—

- (i) dalam hal seseorang balu atau duda, telah berkahwin dengan pekerja yang mati itu semasa pekerja itu masih dalam perkhidmatan;
- (ii) dalam hal seseorang anak atau anak tiri tanggungan, adalah seorang anak atau anak tiri tanggungan daripada perkahwinan yang telah berlaku semasa pekerja itu masih dalam perkhidmatan;
- (iii) dalam hal seseorang anak angkat adalah seorang anak yang diangkat di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman semasa pekerja itu masih dalam perkhidmatan; atau
- (iv) dalam hal seseorang anak tidak sah taraf, adalah seorang anak yang dikandungkan semasa pekerja itu masih dalam perkhidmatan.

(2) Jika seseorang pekerja berpencen mati selepas persaraannya tetapi sepanjang tempoh persaraan sebelum kematian pekerja itu pencennya telah tidak diberi atau telah terhenti di bawah seksyen 23, maka subseksyen (1) hendaklah terpakai dan bagi maksud itu pekerja itu hendaklah disifatkan sebagai telah menerima pencen itu.

**16A.** *(Dipotong oleh Akta A1344).*

### **Terhentinya pencen terbitan**

**17.** Pencen terbitan yang diberikan di bawah Akta ini hendaklah terhenti jika penerimanya—

*(a) (Dipotong oleh Akta A1172);*

*(b)* seorang anak, selain anak yang cacat otak atau hilang upaya jasmani dan secara kekal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri atau seorang anak yang disebut dalam perenggan *(c)*, apabila berkahwin atau apabila mencapai umur dua puluh satu tahun, mengikut mana yang lebih dahulu; atau

*(c)* seorang anak yang sedang mendapat pendidikan di suatu institusi pelajaran tinggi tetapi tidak melampaui pelajaran yang menuju ke arah ijazah pertama, apabila tamat atau berhenti mendapat pendidikan itu atau apabila berkahwin, mengikut mana yang lebih dahulu.

### **Terhentinya pencen bagi anak yang telah mencapai umur lapan belas tahun disifatkan sah**

**18.** (1) Walau apa pun peruntukan seksyen 17, jika sebelum penyiaran Akta ini apa-apa bayaran mengenai pencen terbitan atau faedah lain yang kena dibayar kepada seorang anak telah terhenti setelah anak itu mencapai umur lapan belas tahun, pemberhentian itu dan apa-apa pembahagian pencen terbitan atau faedah lain kepada



mana-mana orang tanggungan lain berikutan dari pemberhentian itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dengan sempurna dan sahnya.

(2) Jika subseksyen (1) adalah terpakai, tetapi anak itu layak di bawah Akta ini dibayar pencen terbitan atau faedah lain, anak itu hendaklah, tertakluk kepada seksyen 17, dibayar bahagian pencen terbitan atau faedah lain yang kena dibayar kepadanya mulai dari tersiarnya Akta ini.

### **Pencen hilang upaya**

**19.** (1) Sebagai tambahan kepada pembayaran di bawah seksyen 9, Menteri boleh memberikan pencen hilang upaya di bawah peraturan-peraturan itu jika seseorang pekerja, selain seorang pekerja kontrak, adalah dikehendaki bersara akibat dari—

- (a) menanggung bencana semasa melaksanakan dan berbangkit daripada melaksanakan tugas rasminya atau disebabkan oleh kemalangan dalam perjalanan; atau
- (b) mendapat penyakit yang kerana jenis tugasnya itu menyebabkan dirinya terdedah.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), “bencana” atau “penyakit” artinya bencana atau penyakit yang bukan disebabkan oleh, atau yang tidak menjadi semakin teruk oleh kerana atau yang tidak berpunca dari, kecuaiannya atau salah lakunya.

### **Pencen tanggungan**

**20.** Sebagai tambahan kepada pencen terbitan dan ganjaran terbitan, Menteri boleh memberikan kepada orang tanggungan seseorang pekerja suatu pencen tanggungan yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu jika—

- (a) pekerja itu mati dalam hal keadaan di bawah seksyen 19; dan

- (b) kematian itu berlaku dalam tempoh tujuh tahun dari tarikh dia menanggung bencana atau mendapat penyakit itu.

**Pencen, dsb., tidak boleh diserahkan hak**

**21.** Apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah Akta ini tidak boleh diserahkan hak atau dipindah milik atau ditahan, diasingkan atau dilevi mengenai sesuatu tuntutan kecuali bagi maksud—

- (a) menjelaskan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan, atau Kerajaan sesuatu Negeri, atau sesuatu pihak berkuasa berkanun atau tempatan;
- (b) menunaikan perintah sesuatu Mahkamah supaya dibayar jumlah wang berkala untuk nafkah bagi isteri atau bekas isteri atau anak, sama ada sah taraf atau tidak, pekerja yang kepadanya telah diberikan pencen, ganjaran atau faedah lain itu; atau
- (c) menunaikan perintah mahkamah yang dikeluarkan berhubung dengan perkara kebangkrapan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubung dengannya.

**22.** *(Dipotong oleh Akta A1410).*

**Pencen, dsb., terhenti apabila disabitkan**

**23.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika mana-mana orang yang telah diberikan pencen atau faedah lain di bawah Akta ini dikenakan hukuman mati atau penjara selama sesuatu tempoh oleh suatu Mahkamah, maka pencen atau faedah lain itu hendaklah terhenti dengan serta-merta.

(2) Pencen atau faedah lain di bawah subseksyen (1) itu hendaklah diberikan semula dengan kuat kuasa kebelakangan bagi seseorang yang selepas disabitkan mendapat pengampunan.

(3) Jika sesuatu pencen atau faedah lain terhenti di bawah subseksyen (1), Menteri boleh memberikan elaun tanggungan nafkah yang banyaknya sama dengan semua atau mana-mana bahagian daripada wang yang pesara itu sepatutnya berhak mendapat sebagai pencen atau faedah lain yang difikirkannya patut kepada isteri atau anak pesara untuk nafkah dan faedah mereka dan, selepas tamat tempoh hukumannya, juga bagi faedah pesara itu sendiri.

**Pencen, dsb., akan terhenti apabila memperoleh kewarganegaraan negara lain**

**23A.** (1) Jika seseorang yang telah diberikan pencen atau faedah lain di bawah Akta ini telah dengan sukarelanya (selain perkahwinan) memperoleh kewarganegaraan, atau telah menggunakan hak kewarganegaraan, atau telah membuat pengisytiharan kesetiaan kepada, mana-mana negara lain selain Malaysia atau telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysiannya, pencen atau faedah lain tersebut hendaklah terhenti dengan serta-merta.

(2) Jika pencen atau faedah lain terhenti di bawah subseksyen (1) tiada pencen atau faedah lain boleh diberikan kepada orang tanggungan.

**Pencen maksimum**

**24.** Pencen yang diberikan di bawah seksyen 9, 15 atau 16 tidak boleh melebihi tiga per lima daripada gaji yang akhir diterima oleh pekerja itu.

**Pencen serendah-rendahnya bagi perkhidmatan penuh**

**25.** Berkenaan dengan pencen yang telah dikira berdasarkan perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira selama tidak kurang daripada

dua puluh lima tahun, amaun yang kena dibayar di bawah Akta ini tidak boleh kurang daripada satu ratus lapan puluh ringgit sebulan atau apa-apa amaun sebagaimana ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

### **Penggantungan pencen**

**26.** (1) Jika seseorang pekerja yang diberikan pencen di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis dilantik semula sebagai seorang pekerja tetap, maka Menteri boleh menggantung pencen itu sepanjang tempoh dia dilantik semula.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), jika seseorang pekerja telah bersara di bawah perenggan 11(a) dan dalam tempoh lima tahun persaraannya pekerja itu melibatkan dirinya dalam apa-apa aktiviti yang mungkin bercanggah dengan tujuan dia disarakan, Menteri boleh menggantung pencennya sehingga dia mencapai umur enam puluh tahun atau genapnya tempoh bersara selama lima tahun, mengikut mana yang lebih awal.

(2A) Jika seseorang pekerja yang disebut dalam subseksyen (2) yang telah dilantik semula sebelum 1 Januari 2012 telah diberikan opsiyen sebelum tarikh itu dan tidak memilih umur persaraan paksa enam puluh tahun, subseksyen (2) hendaklah terpakai baginya dengan menggantikan perkataan 'enam puluh' dengan perkataan 'lima puluh lima' atau 'lima puluh enam' atau 'lima puluh lapan', mengikut mana-mana yang berkenaan.

### **Pembayaran tanpa probet atau surat kuasa mentadbir**

**27.** (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, jika seseorang yang kepadanya apa-apa pembayaran boleh dibuat di bawah Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya mati sebelum pembayaran itu dibuat, amaun yang masih belum dibayar itu boleh dibayar kepada orang tanggungannya tanpa probet atau surat kuasa mentadbir.

(2) Jika apa-apa pembayaran dibuat dengan suci hati di bawah seksyen ini dan menurut peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, pembayaran sedemikian hendaklah menjadi pelepasan yang sepenuh dan sepatutnya akan semua liabiliti dan tiada tindakan, guaman atau prosiding bagi pembayaran tersebut atau yang mempersoalkan tentang pembayaran tersebut boleh dibawa atau diadakan terhadap Kerajaan atau mana-mana pegawai atau pekhidmatnya.

(3) Bagi maksud seksyen ini—

(a) “orang tanggungan” ertinya—

(i) balu kepada si mati;

(ii) duda kepada si mati;

(iii) anak kepada si mati; atau

(iv) ibu kepada pekerja yang mati, atau jika ibunya telah mati, bapa tanggungannya;

(b) “belum dibayar” ertinya belum dibayar oleh Kerajaan atau belum dikeluarkan oleh orang yang berkenaan.

### **Peraturan-peraturan**

**28.** Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud Akta ini, tetapi peraturan-peraturan itu tidak boleh membuat peruntukan mengenai apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain yang lebih baik daripada pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Pencen 1980.

### **Tindakan yang lalu**

**29.** Perbuatan mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi pihak berkuasa pencen sementara menanti pengisytiharan Akta ini hendaklah disifatkan sebagai telah dilakukan dengan sempurnanya.

**Pembayaran hadiah untuk maklumat**

**30.** (1) Pihak berkuasa pencen boleh memerintahkan pembayaran hadiah sebagaimana ia fikirkan patut kepada mana-mana anggota masyarakat untuk maklumat yang diberikan yang membawa kepada sabitan bagi—

- (a) kes penipuan untuk menikmati pencen dan faedah lain yang diberikan di bawah Akta ini; atau
- (b) kesalahan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Apa-apa hadiah yang dibayar di bawah Akta ini hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

**Penggulungan skim pencen**

**31.** (1) Kumpulan wang sesuatu skim pencen pihak berkuasa berkanun atau tempatan di bawah Skim Baru hendaklah digulung pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan melalui pemberitahuan dalam *Warta* dalam setiap kes tertentu, dan apabila tergulungnya kumpulan wang tersebut segala aset hendaklah dipindahkan dan liabiliti dipertanggungjawabkan, kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, apabila tergulungnya kumpulan wang skim pencen pihak berkuasa berkanun atau tempatan, pihak berkuasa pencen hendaklah menjalankan kuasa dan melaksanakan kewajipan pihak berkuasa yang berkenaan bagi skim tersebut.

(3) Tiada apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan sebagai mengurangkan amaun pencen, ganjaran atau faedah lain yang seseorang pekerja itu sepatutnya layak menerima jika tidak kerana seksyen ini.

---

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 239

## AKTA PENCEN PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN 1980

### SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A568	Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 1983	01-07-1980; kecuali perenggan 14(a): 16-12-1983
Akta A619	Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1985	01-06-1985
Akta A645	Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1986	16-05-1986; kecuali ss. 3,8 dan 10: 01-01-1976; s. 6:01-07-1980; s. 5: 31-05-1985
Akta A794	Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1991	12-04-1991
Akta A824	Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1992	17-07-1992; kecuali s. 2:01-01-1992; s. 3 dan 4:01-06- 1991; s. 5:12-04-1991; s. 6:01-06-1985

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A904	Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1994	01-01-1992
Akta A986	Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1997	31-01-1997
Akta A1006	Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) (No. 2) 1997	01-12-1997
Akta A1125	Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2001	01-10-2001
Akta A1172	Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2002	01-01-2002
Akta AA1336	Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2008	01-07-2008
Akta AA1344	Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2009	01-01-2008: Perenggan 2(b), s.7 dan ss. 9(4) 01-01-2009: Perenggan 2(a), s.3, perenggan 4(a) dan 5(a), s.8 dan ss. 9(1), (2) dan (3);
Akta AA1410	Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2012	01-01-2012

---



**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 239**

**AKTA PENCEN PIHAK BERKUASA  
BERKANUN DAN TEMPATAN 1980**

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa Meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A568 Akta A619 Akta A904 Akta A1006 Akta A1344	01-07-1980 01-06-1985 01-01-1992 01-12-1997 01-01-2008: Perenggan 2(b) 01-01-2009: Perenggan 2(a)
5	Akta A619 Akta A1410	01-06-1985 01-01-2012
6	Akta A824	01-01-1992
6A	Akta A794 Akta A824 Akta A904 Akta A986 Akta A1125 Akta A1336 Akta A1344 Akta A1410	12-04-1991 01-06-1991 01-01-1992 31-01-1997 01-10-2001 01-07-2008 01-01-2009 01-01-2012
6B	Akta A904	01-01-1992
6C	Akta A904	01-01-1992
6D	Akta A904	01-01-1992
6E	Akta A1006	01-12-1997
6F	Akta A1006	01-12-1997
6G	Akta A1006	01-12-1997

Seksyen	Kuasa Meminda	Berkuat kuasa dari
7	Akta A619 Akta A794	01-06-1985 12-04-1991
8	Akta A619 Akta A645 Akta A824	01-06-1985 01-01-1976 01-06-1991
9	Akta A619	01-06-1985
10	Akta A645 Akta A794 Akta A1125 Akta A1336 Akta A1410	16-05-1986 12-04-1991 01-10-2001 01-07-2008 01-01-2012
12	Akta A794 Akta A824 Akta A1125 Akta A1136 Akta A1344 Akta A1410	12-04-1991 12-04-1991 01-10-2001 01-07-2008 01-01-2009 01-01-2012
13	Akta A619 Akta A645 Akta A1125 Akta A1336 Akta A1410	01-06-1985 31-05-1985 01-10-2001 01-07-2008 01-01-2012
14	Akta A794	12-04-1991
15	Akta A1344	01-01-2009
16	Akta A645 Akta A1344 Akta A1410	01-07-1980 01-01-2008 01-01-2012
16A	Akta A568 Akta A1344	01-07-1980 01-01-2008
17	Akta A1172	01-01-2002
21	Akta A1410	01-01-2012
22	Akta A1410	01-01-2012
23A	Akta A645	16-05-1986

Seksyen	Kuasa Meminda	Berkuat kuasa dari
24	Akta A1344	01-01-2009
26	Akta A1125	01-10-2001
	Akta A1336	01-07-2008
	Akta A1410	01-01-2012
27	Akta A645	01-07-1976
30	Akta A645	16-05-1986
31	Akta A645	01-01-1976

---